# RAYUAN TATATERTIB

BAHAGIAN PERKHIDMATAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

# RAYUAN TATATERTIB

- RAYUAN MERUPAKAN HAK PEGAWAI YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH PERATURAN 14, P.U.(A) 396/1993. WALAU BAGAIMANAPUN, BAGI KPT DAN KPDP YANG DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DENGAN TUJUAN BUANG KERJA ATAU TURUN PANGKAT OLEH SPA / SPP, TIADA RAYUAN
- RAYUAN DIKEMUKAKAN MELALUI KETUA JABATAN DALAM TEMPOH 14 HARI DARI TARIKH PEGAWAI MENERIMA KEPUTUSAN PBTT
- KETUA JABATAN APABILA MENERIMA RAYUAN PEGAWAI HENDAKLAH MEMBUAT ULASAN KE ATAS RAYUAN PEGAWAI DAN KEMUKAKAN KEPADA PBTT DALAM TEMPOH 30 HARI.

# BIDANGKUASA PIHAK BERKUASA RAYUAN TATATERTIB (PBRTT)

1. MENGHANTAR BALIK KES KEPADA PBTT UNTUK DITIMBANG SEMULA (REMIT);
2. MENGESAHKAN KEPUTUSAN PBTT;
3. MENGESAHKAN KEPUTUSAN PBTT TENTANG SALAHLAKU PERAYU TETAPI MENGUBAH HUKUMAN KEPADA HUKUMAN YANG LEBIH RINGAN; ATAU
4. MENGAKASKAN KEPUTUSAN PBTT DAN MEMBEBASKAN PERAYU.

- **KEPUTUSAN PBRTT ADALAH MUKTAMAD**

- **DICATATKAN DALAM REKOD PERKHIDMATAN PEGAWAI**

# DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN KEPADA PBRTT

1. SALINAN REKOD PERKHIDMATAN PEGAWAI YANG KEMASKINI YANG DISAHKAN;
2. SALINAN LAPORAN DARIPADA KETUA JABATAN / MANA - MANA PIHAK;
3. SALINAN BORANG PENENTUAN OLEH PENGERUSI LEMBAGA TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 35, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993;

4. KEPUTUSAN PENGERUSI PBTT MENENTUKAN WUJUD KES PRIMA FACIE;

5. SALINAN SURAT PERTUDUHAN;

6. SALINAN AKUAN TERIMA SURAT PERTUDUHAN;

7. SALINAN REPRESENTASI DARIPADA PEGAWAI YANG DITUDUH;

8. SALINAN ULASAN KETUA JABATAN KE ATAS REPRESENTASI TERHADAP PERTUDUHAN; (JIKA ADA)

9. CABUTAN MINIT MESYUARAT PBTT MEMBUAT KEPUTUSAN

10. SALINAN SURAT PEMBERITAHU KEPUTUSAN;

11. SALINAN AKUAN TERIMA SURAT PEMBERITAHU KEPUTUSAN;

12. SURAT RAYUAN PEGAWAI; DAN

13. ULASAN KETUA JABATAN KE ATAS RAYUAN PEGAWAI.

## ISU BERHUBUNG RAYUAN TATATERTIB

a) Rayuan pegawai tidak ditujukan kepada Pihak Berkuasa Rayuan Tatatertib yang berkenaan. Ini tidak selaras dengan kehendak sub peraturan 15(1), P.U.(A)396/1993.

b) Ulasan terhadap rayuan pegawai telah dibuat oleh Ahli Lembaga Tatatertib Jabatan yang merupakan Ketua Jabatan kepada pegawai.
  - ini adalah pelanggaran kepada salah satu prinsip keadilan asasi iaitu hukum mencegah berat sebelah / rule against bias / nemo judex in causa sua.
  - Ketua Jabatan sepatutnya mewakilkan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang pangkatnya tidak lebih rendah dari KPDP untuk bertindak sebagai Ketua Jabatan bagi membuat ulasan terhadap rayuan.

c) Dalam memutuskan hukuman buang kerja ke atas pegawai, Pihak Berkuasa Tatatertib didapati telah menimbangkan kes tersebut semata – mata berdasarkan kepada laporan BPR, sedangkan tiada bukti yang jelas dengan kesalahan yang dilakukan pegawai. Hal ini mungkin boleh dianggap sebagai melanggar prinsip keadilan asasi / natural justice

d) Surat keputusan menyatakan peraturan 14, P.U.(A)396/1993 memberi peluang kepada pegawai untuk membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Rayuan Tatatertib melalui Ketua Jabatan dalam tempoh 14 hari yang mana tempoh rayuan tersebut sebenarnya diperuntukkan di bawah sub peraturan 15(1) peraturan yang sama.




# TERIMA KASIH